

STRATEGI MENGAJAR TANDA BACAAN

ASNIDA BINTI GANI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

06.04.2007

ASNIDA BINTI GANI

M20051000002

PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan atas tunjuk ajar dan bimbingan yang beliau berikan sehingga selesainya tugas ini.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan sekuliah yang banyak membantu dan memberi galakan untuk saya meneruskan kajian ini.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga dan suami yang turut menyokong saya.

ABSTRAK

Terdapat 16 jenis tanda bacaan bahasa Melayu yang memainkan peranan tersendiri dalam sesuatu penulisan. Penggunaan tanda bacaan yang betul boleh menyampaikan mesej dengan tepat. Kesalahan menggunakan tanda bacaan akan menyebabkan mesej terpesong dan pembaca sukar memahami apa yang cuba disampaikan oleh penulis.

Kajian ini bertujuan menyelidik dan menganalisis jenis dan fungsi tanda bacaan bahasa Melayu serta penguasaan guru dan pelajar dalam aspek ini. Kajian ini diharap dapat mendedahkan fungsi tanda bacaan yang betul dan tepat bagi guru dan pelajar. Selain itu, kajian ini dapat memberi panduan kepada guru tentang strategi pengajaran tanda bacaan.

Kajian ini menggunakan kaedah mengkaji hasil tugas pelajar dan guru-guru Bahasa Melayu yang terpilih untuk menilai penguasaan mereka dalam aspek tanda bacaan. Hasilnya, terdapat kesalahan penggunaan tanda bacaan dalam penulisan yang dilakukan tanpa disedari oleh guru dan pelajar. Terdapat juga guru yang keliru menggunakan tanda bacaan yang betul. Bagi pelajar, kesalahan penggunaan tanda bacaan dalam penulisan merupakan satu tanggungjawab yang mesti dipikul guru Bahasa Melayu untuk mengatasinya. Oleh itu, dalam bab terakhir kajian ini pengkaji memberi beberapa cadangan strategi pengajaran yang boleh dilakukan guru untuk mengatasi kelemahan guru dan pelajar.

ABSTRACT

There are 16 punctuation marks in the Malay. Each has its functions in writing. The correct use of these punctuation marks is necessary in conveying a message accurately.

As such, this study aims to analyze the functions of these punctuation marks in the Malay. This study also aims to reveal the correct use of punctuation marks by teachers and pupils. Finally, this study will also serve as a guide to teachers on the strategies of teaching punctuation marks.

This research evaluates the use of punctuation marks by teachers and pupils. The study reveals that teachers have not fully mastered the use of these punctuation marks, and thus the lack of proper use of these punctuation marks by pupils.



KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Soalan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Batasan Kajian	5
1.7 Definisi Konsep dan Proses yang Berkaitan	5
1.7.1 Tanda Bacaan	5
1.7.2 Strategi Pengajaran	5
1.8 Fungsi Tanda Baca	6
1.8.1 Noktah	8
1.8.2 Koma	10

1.8.3 Tanda Tanya	14
1.8.4 Tanda Seru	14
1.8.5 Titik Bertindih	15
1.8.6 Koma Bertitik atau Semikolon	16
1.8.7 Sempang	19
1.8.8 Tanda Petik	21
1.8.9 Tanda Kutip Tunggal	22
1.8.10 Tanda Elipsis	23
1.8.11 Tanda Kurung	25
1.8.12 Tanda Kurung Siku	26
1.8.13 Tanda kurung Dakap	27
1.8.14 Tanda Garis Miring	27
1.8.15 Tanda Penyingkat	28
1.8.16 Tanda Satar	28
1.8.17 Huruf Besar	30
1.9 Rumusan	31

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN LAMPAU

2.1 Pengenalan	33
2.2 Kajian Lampau	33
2.3 Dapatan Perbincangan	34
2.4 Rumusan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	37
3.1 Reka Bentuk Kajian	38
3.2 Alat Kajian	39
3.3 Prosedur Pemerolehan dan Pengumpulan Data	39
3.4 Proses Penganalisaan Data	40
3.5 Rumusan	41

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	42
4.2 Jenis-Jenis Tanda Baca	42
4.3 Pengajaran Tanda Bacaan di Sekolah	44
4.4 Penggunaan Tanda Bacaan oleh Guru Bahasa Melayu	45
4.5 Strategi Guru Dalam Mengajarkan Tanda Bacaan	49
4.6 Cara Membetulkan Kesalahan Penggunaan Tanda Bacaan	57
4.7 Rumusan	61

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	63
5.2 Strategi Mengajar Tanda bacaan	64
5.2.1 Penguasaan Guru	64

5.2.2 Pembelajaran Berterusan	65
5.2.3 Pelajar Didedahkan Lebih Awal	66
5.2.4 Sebagai Agenda Utama dalam Setiap Pembelajaran	66
5.2.5 Latih Pelajar Berterusan	67
5.2.6 Berikan Peneguhan	68
5.2 Rumusan	69
5.3 Beberapa Cadangan untuk Kajian Lanjutan	71
RUJUKAN	72
LAMPIRAN	73

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bahasa tulisan, penggunaan tanda bacaan ditandai dengan pelbagai lambang bagi membantu kita membaca dengan betul dan berkesan. Tanda bacaan yang digunakan dalam bahasa Melayu adalah seperti berikut: titik, koma, sengkang, sempang, kolon dan semikolon, elipsis, tanda soal, tanda seru, tanda kurung, kurungan siku, tanda kurung dakap, tanda petik, tanda petik tunggal, garis miring, tanda pengikat, penulisan huruf dan ejaan.

Setiap tanda baca di atas mempunyai cara penggunaan yang ditetapkan dalam sistem ejaan (Rumi Bahasa Melayu). Setiap satunya mempunyai fungsi yang ditetapkan. Ini membantu menyampaikan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Oleh itu, jika penulis tidak mengetahui fungsi tanda bacaan itu satu persatu, maka dia tidak dapat menggunakan tanda bacaan dengan betul. Ini boleh menyebabkan pembaca tidak dapat memahami tulisan yang dihasilkan.

1.2 Permasalahan Kajian

Pengkaji membuat pengamatan dan mendapati ada beberapa amalan salah dalam menggunakan tanda bacaan dalam penulisan. Penggunaan noktah, koma, titik dua bertindih, pembuka dan penutup kata, pengikat kata, tanda soal, kurungan dan tanda seru digunakan pada tempat-tempat yang salah. Contohnya:

1. Noktah

Noktah tidak diletakkan di akhir ayat.

2. Koma

Tanda koma tidak diletakkan bagi objek yang berbeza dalam ayat majmuk.

Penggunaan koma sebelum kata hubung dan masih menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penulis. Ada yang meragui kegramatisan ayat sekiranya tanda koma diletakkan sebelum kata hubung dan kerana lazimnya dalam penulisan, tanda koma tidak diletakkan sebelum kata hubung tersebut.

3. Pembuka dan penutup kata dan pengikat kata

Kekeliruan penggunaannya untuk menunjukkan fungsi yang berbeza. Pembuka dan penutup kata digunakan dalam dialog dan memetik tajuk khas. Pengikat kata digunakan untuk menunjukkan kata itu membawa makna berbeza dan kata pinjaman.

4. Huruf besar

Murid tidak dapat membezakan cara menulis huruf besar seperti huruf s, m, p, o dan k.

Masalah inilah yang menarik minat pengkaji untuk menilai tahap penguasaan dan pengetahuan pendidik dan pelajar dalam aspek tanda bacaan bahasa Melayu. Kajian ini cuba menunjukkan bahawa golongan pendidik juga sering terkeliru dalam penggunaan tanda bacaan yang lain daripada kebiasaannya. Kajian ini juga, sedapat mungkin akan memperjelaskan fungsi tanda baca dengan betul supaya dapat dijadikan panduan, bukan sahaja untuk golongan pendidik malah golongan pelajar

1.3 Soalan Kajian

Untuk kajian ini, pengkaji akan cuba menjawab beberapa soalan kajian yang berkait dengan tajuk yang dikaji. Berikut adalah soalan kajian:

1. Apakah tanda bacaan yang diajarkan di sekolah?
2. Apakah fungsi tanda bacaan?
3. Adakah guru menguasai penggunaan tanda bacaan bahasa Melayu?
4. Adakah strategi guru mengajarkan tanda bacaan?
5. Apakah jenis dan contoh kesalahan penggunaan tanda bacaan?
6. Apakah langkah-langkah membetulkan penggunaan tanda bacaan?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini diharap dapat mendedahkan fungsi tanda bacaan yang betul dan tepat kepada pembaca. Selain itu, kajian ini juga diharap membolehkan guru menguasai penggunaan tanda bacaan dengan mendedahkan fungsi dan penggunaan yang betul tanda bacaan dalam penulisan Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada guru tentang strategi pengajaran tanda bacaan dengan beberapa cadangan yang akan ditulis di akhir bab kajian ini. Akhir sekali, kajian ini diharap dapat memastikan guru dan pelajar benar-benar menguasai kemahiran menggunakan tanda bacaan dalam penulisan.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan. Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan fungsi tanda bacaan dengan betul dan tepat dalam penulisan.
2. Boleh dijadikan panduan guru semasa mengajarkan tanda bacaan.
3. Meluaskan pengetahuan dan penguasaan guru dalam tanda bacaan.
4. Guru lebih berkeyakinan dalam pengajaran, semakan tugas murid dan penulisan.
5. Menjadi rujukan umum dalam bidang penulisan.

1.6 Batasan Kajian

Pengkaji membataskan kajian ini kepada sebuah sekolah di Selangor. Pengkaji memilih 10 orang guru Bahasa Melayu yang berbangsa Melayu dan berijazah. Pengkaji juga membataskan kajian ini dengan melihat hasil penulisan pelajar sebuah kelas Tingkatan 4 dalam mengajarkan karangan kerana unsur-unsur penggunaan tanda bacaan ini dapat dilhat dengan jelas.

1.7 Definisi Konsep Dan Proses Yang Berkaitan

1.7.1 Tanda Bacaan

Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad mendefinisikan tanda baca sebagai satu kaedah dan matlamatnya adalah untuk memandu pembaca mendengar dan mengikuti sesuatu penulisan. Sebahagian daripada sifatnya adalah sebagai peraturan manakala sebahagian lagi adalah untuk menyampaikan rasa atau perasaan. Aspek ini merupakan suatu cabang seni. Oleh itu tanda baca bersifat sains dan seni (Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad, 1998: 209).

1.7.2 Strategi Pengajaran

Strategi pengajaran merupakan cara dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran mereka. Kaedah, teknik dan cara itu dipilih bersesuaian dengan

matlamat dan objektif pengajarannya hari itu. Hal ini juga mesti sesuai dengan tahap dan penguasaan pelajar bagi mencapai objektif pengajaran.

1.8 Fungsi Tanda Bacaan

Dalam sesuatu penulisan, penggunaan tanda bacaan yang betul merupakan satu faktor sesuatu mesej dapat disampaikan dengan baik. Ini kerana, “tanda bacaan ialah simbol atau tanda yang digunakan bagi memberi isyarat kepada pembaca supaya dapat membahagikan sesuatu teks yang dibaca kepada unit-unit yang bermakna supaya mudah memahami isi teks tersebut. Tanda bacaan diletakkan selepas huruf terakhir unit berkenaan, lazimnya menurut himpunan nafas bagi memudahkan seseorang membaca teks itu, lebih-lebih lagi dalam membaca secara bersuara” (Abdullah Hassan, 2007).

Penyampaian mesej juga banyak bergantung kepada fungsi tanda bacaan dalam penulisan, iaitu sebagai satu kaedah dan matlamatnya adalah untuk memandu pembaca mendengar dan mengikuti sesuatu penulisan (Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad, 1998: 209). Hal ini menjelaskan bahawa penggunaan tanda bacaan yang betul dan tepat amat diperlukan untuk memastikan pemahaman pembaca dan mesej yang terkandung dalam sesuatu penulisan dapat disampaikan dengan baik.

Walaupun terdapat 17 tanda bacaan dalam bahasa Melayu, namun tidak semuanya digunakan dengan meluas dan kerap. Antara tanda bacaan bahasa Melayu yang kerap digunakan ialah noktah, koma, titik bertindih, sempang, tanda kurung, tanda kutip, tanda kutip tunggal, tanda seru, tanda tanya, tanda garis miring, dan elipsis. Di sini, fungsi tanda bacaan bahasa Melayu diuraikan dan setiap satunya diberi contoh

yang sesuai. Ini membolehkan pembaca mendapat input tentang jenis-jenis dan fungsi tanda bacaan yang ada. Terdapat beberapa tanda bacaan utama yang sering digunakan dalam bahasa Melayu, iaitu:

1. Noktah
2. Koma
3. Tanda Tanya
4. Tanda Seru
5. Titik Bertindih
6. Koma Bertitik
7. Sempang
8. Tanda Kutip
9. Tanda Kutip Tunggal
10. Elipsis
11. Tanda Kurung
12. Tanda Kurung Siku
13. Tanda kurung Dakap
14. Tanda Garis Miring
15. Tanda Penyingkat
16. Tanda Satar
17. Huruf Besar

1.8.1 Noktah (.)

Tanda titik digunakan untuk fungsi-fungsi berikut:

a. Pada akhir ayat lengkap, contoh:

- i. Kereta ini baru dibeli.
- ii. Esok ibu akan ke Kuala Lumpur.

b. Penamat ayat perintah, contoh:

- i. Berhenti dan jangan lakukan perkara itu lagi.
- ii. Keluar atau kami serbu.

c. Penamat ayat tanya yang berbentuk retorik, yang tidak memerlukan jawapan, contoh:

- i. Apa salahnya jika serang sahaja Zionis.
- ii. Mengapa tidak dihalau sahaja dia keluar kalau dia benar-benar bersalah.

d. Penamat ayat tanya dalam ragam cakap pindah, contoh:

- i. Dia bertanya mengapa saudara ke mari.
- ii. Dia bertanya siapakah nama saudara.

e. Penamat ayat deklaratif, contoh:

- i. Buku itu sudah habis.
- ii. Siaran langsung itu sudah tamat.

f. Penamat ayat soalan berupa cadangan, contoh:

- i. Kenapakah kita tidak bincangkan.
- ii. Mengapa dia berdiam diri, sepatutnya dia menjelaskan hal itu.

g. Pada akhir singkatan nama orang dan gelaran, contoh:

- i. T. S. Lanang
- ii. Y.A.B. (Yang Amat Berhormat)
- iii. En. (Encik)

h. Selepas setiap nombor senarai, contoh:

Barang yang perlu dibawa adalah seperti berikut:

1. penyapu
2. baju
3. berus sabut

i. Memisahkan ringgit dan sen, contoh:

- i. RM 2.80
- ii. RM 4.50
- iii. RM 108.45

j. Peratus, contoh:

- i. 3.5%
- ii. 76.67%

ii. 298.1%

k. Sebelum tanda penutup kata, iaitu " dalam cakap ajuk, contoh:

- i. Kata kakak, "Bunga itu sudah layu."
- ii. Ibu berkata, "Cantik juga rumah ini."

l. Angka perpuluhan, contoh:

- i. 5.4
- ii. 30.2
- iii. 119.8

1.8.2 Koma (,)

Koma ialah tanda bacaan digunakan seperti dalam contoh berikut:

- a. Menyenaraikan tiga unsur atau lebih, dan bagi mengasingkan perkataan yang berturut-turut dalam satu ayat. Koma diletakkan selepas huruf terakhir dalam frasa berkenaan, contoh:
 - i. Ibu membeli ikan, sayur, dan daging.
 - ii. Abu, Kumar, dan Zaidi pergi ke Muar.
 - iii. Karim seorang yang pemurah, gagah, tetapi pemarah.

b. Selepas kata seru, contoh:

i. Amboi, merahnya baju kamu!

ii. Eh, Azmi rupanya!

c. Bagi menandakan akhir frasa, iaitu tempat berhenti sebentar dalam kelompok pernafasan apabila membaca bagi menjelaskan makna, contoh:

i. Berikan surat ini kepada ibumu, Ali.

ii. Jangan berdiri di situ, bahaya.

d. Selepas frasa keterangan dalam ayat, contoh:

i. Oleh sebab itu, awak diminta hadir.

ii. Pada fahaman saya, awak tidak mengaku bersalah?

e. Bagi memisahkan unsur-unsur dalam ayat yang berbeza-beza, contoh:

i. Rumah itu besar, tetapi tidak cantik

ii. Katakan saya ke bandar, apabila dia datang.

f. Sebelum tanda pembuka kata ("") dan penutup kata ("") dalam cakap ajuk, contoh:

i. Ravi berkata, "Ini suratnya, encik."

ii. "Terima kasih," jawab Encik Abu.

g. Pada cakap ajuk, contoh:

- i. "Saya tidak suka datang ke sini," kata Pooja.
- ii. "Janganlah begitu," pujuk Seri.

h. Bagi membezakan maksud dan sasaran jika wujud dua nama, contoh:

- i. "Jangan tinggalkan emak, abah," rayu Sinah.

Jika tidak diletakkan tanda koma, maksud ayat akan berubah kepada "Jangan tinggalkan emak abah," atau nenek.

- ii. "Janganlah begitu, sayang," pujuk kakak lagi.

Jika ditinggalkan tanda koma, ayat akan bermaksud, "Janganlah begitu menyayangi...,".

i. Bagi memisahkan penerangan dan orang yang berkata, contoh:

- i. Kata ayah, kakak akan pulang.
- ii. Kata Raju, hijau lebih menarik.

j. Bagi menekankan tempat berhenti seketika untuk tujuan penekanan, contoh:

- i. Pada tahun 1957, Tanah Melayu merdeka.
- ii. Jam 2.00 petang hari ini, ada mesyuarat tergempar.

k. Bagi memisahkan penjelasan, contoh:

- i. Hanya Karim, pemain baru dipilih, dikeluarkan daripada senarai pasukan.
- ii. Dia cuba bertahan, air matanya sudah kering, selepas mendengar berita kematian anaknya itu.

l. Dalam ayat bercampur antara cakap ajuk dan cakap pindah, contoh:

- i. “Emak,” kata Emili, “saya hendak keluar.”
- ii. Dia belum pun menjakkan kaki di tangga apabila disoal, “Ali, engkau sudah makan.”

m. Bagi memberikan penekanan, contoh:

- i. Dia menerima tawaran itu, dengan cepat.
- ii. Adam menyambut salam itu, sambil lewa.

n. Bagi membezakan tempat dan umur, contoh:

- i. Azeem Iskandar Ab. Wahab, Bukit Sentosa 3 dan Amir Danial Ariffin, Rawang, turut hadir.
- ii. Aidil Hazami, 21, Bukit Beruntung, turut hadir.

o. Dalam angka besar, iaitu melebihi 999. Jangan gunakan koma bagi alamat jalan, contoh:

- i. 1,287 juta.
- ii. 3,992 orang.

1.8.3 Tanda Tanya (?)

Tanda tanya digunakan untuk beberapa fungsi tertentu, misalnya:

a. Pada akhir ayat tanya, contoh:

- i. Bilakah adik kamu akan bersekolah?
- ii. Siapakah pemuda itu?

b. Pada akhir ayat tanya sebelum tanda penutup kata (""), contoh:

- i. "Apa yang kamu lihat?" tanya Jimmy.
- ii. "Mengapa dia tidak makan?" tanya Karim.

c. Menyatakan bilangan kalimat yang disangskian atau didapati kekurangan bukti tentang kebenarannya. Tanda tanya itu diletakkan dalam kurungan (?), contoh:

- i. Beliau meninggal dunia pada tahun 1975 (?).
- ii. Parameswara yang membuka Melaka (?).

1.8.4 Tanda Seru (!)

a. Tanda seru digunakan dalam sesudah penyataan yang berupa seruan, perintah, atau rasa emosi yang kuat, contoh:

- i. Wah, perbuatan awak sudah melampau!
- ii. Siapkan kerja itu segera!

b. Bagi menunjukkan tanda hairan, contoh:

- i. Cantiknya dia!
- ii. Besarnya rumah kamu!

c. Tanda seruan, contoh:

- i. Berhenti!
- ii. Berjaya!

1.8.5 Titik Bertindih (:)

Tanda titik bertindih atau kolon digunakan dalam beberapa keadaan. Misalnya:

a. Pada akhir sesuatu pernyataan apabila diikuti oleh rangkaian, contoh:

- i. Barang-barang yang perlu dibawa adalah seperti berikut: parang, sabit, dan cangkul.
- ii. Nama-nama berikut diminta hadir: Asfa, Rose, Salinah, dan Salmah.

b. Untuk memberi penjelasan atau memperkenalkan sesuatu, contoh:

- i. Tarikh: 3 April 2000
- ii. Masa: 2.00 petang
- iii. Tempat: Bilik Gerakan

c. Memperkenalkan atau menambah keterangan, contoh:

- i. Pegangan hidup saya ringkas sahaja: jujur dan ikhlas.